



KAMARUZAMAN membuat pukulan sebagai tanda perasmian padang golf mini PPIB, UMS sambil diperhatikan (dari kiri) Dr Dayu, Dr Ismail Ali, Dr Shariff dan Mejari Abdullah (kanan).

Padang golf kampus UMS dibuka dengan dua kejohanan

UB 17.01.2012 A14

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

KOTA KINABALU: Dua kejohanan golf tertutup Universiti Malaysia Sabah (UMS) diadakan bersempena pembukaan rasmi Padang Golf Mini Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) atau PMGC hujung minggu lalu.

Kejohanan melibatkan

warga PPIB dan pertandingan dua penjuru antara PPIB dengan Sekolah Sains Sosial (SSS) disempurnakan penyampaian hadiah oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampang selepas pembukaan rasmi.

"PPIB mengungguli SSS dalam pertandingan dua penjuru manakala Manap,

pemain dari SSS menjadi johan keseluruhan kategori individu bagi pertandingan jemputan itu," kata Dr Dayu Sansalu, pengurus pertandingan golf PPIB.

Mengiringi upacara penyampaian hadiah, Pendaftar UMS, Mejari Datuk Abdullah Hj Mohd Said, Pengarah UMSKAL, Prof Dr Shariff A.K Omang, Dekan PPIB, Lt Kol Prof Madya Dr Ismail Ali, Dekan SSS Prof Madya Hj Inon Shaharuddin Abd Rahman, Timbalan Dekan PPIB, Wardatul Akman Din dan Dr Anantharaman Govindasamy, Penolong Pendaftar Kanan PPIB, Mohd Wazir Shafie Aliasah dan pegawai-pegawai utama UMS.

Kategori pensyarah menampilkan Prof Madya Dr Andreas Totu sebagai johan diikuti Dr Dayu Sansalu (kedua), Manap (ketiga) dan Yusten Karulus (keempat). Dalam kategori staf pentadbiran menangi Saniyil Bansai, diikuti Nelson J Adeh (kedua) dan Rudie A Razak (ketiga). Manakala kategori wanita menampilkan Eveny Joseph sebagai johan, diikuti Rohaida Bador (kedua),

Haleza Kimin (ketiga), Patesia Philip (keempat) dan Natalie Gregory (kelima).

Dalam pertandingan dua penjuru, pasukan PPIB unggul sebagai johan sementara pasukan SSS berpuas hati di tempat kedua. Bagi kategori individu, Manap menjadi juara keseluruhan, diikuti Saniyil Bansai di tempat kedua, Rudie A Razak (ketiga) dan Nowel Joeffrey (keempat).

PMGC mula didesain pada Julai 2011 dan siap sebulan kemudian dengan anggaran kos termasuk peralatan kirai-kira RM2,000.

Dr Dayu Sansalu yang mengetuai jawatankuasa penyediaan PMGC menyatakan padang itu memiliki ciri-ciri layout 90 peratus sama dengan padang golf sebenar di mana tanda-tanda bagi indeks, jarak, outbound (OB) dan hazard diletakkan dengan menggunakan rumput biasa.

Sebaik PMGC mula digunakan, satu kursus telah diberikan kepada warga PPIB mengenai dengan teknik, peraturan dan peralatan permainan golf diadakan.